

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12/3/2013

SELASA 12 MAC 2013



SEBAHAGIAN penduduk di kawasan Kulim tidak melepaskan peluang mendengar ucapan Dr. Mahathir Mohamad pada Majlis Bersama Negarawan di Dewan Bandaran Kulim, semalam.

Ketepikan soal calon MB, pastikan BN menang

UM-12/3/2013

KULIM 11 Mac - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pemimpin UMNO Kedah agar mengetepikan dahulu soal calon Menteri Besar sekiranya parti itu menang pilihan raya umum akan datang.

Sebaliknya menurut beliau, perkara yang patut diletakkan sebagai keutamaan sekarang ialah memastikan Barisan Nasional (BN) menang secara majoriti daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dipertandingkan di Kedah.

"Saya minta jangan ambil kira soal Menteri Besar dahulu. Sebabnya, kalau tak menang, nak jadi Menteri Besar pun tak boleh.

"Kita pernah ada pengalaman dengan menamakan calon Menteri Besar bagi BN di Kelantan. Dia pun berkempen dengan nama calon

Menteri Besar, tetapi akhirnya kalah dan orang berkenaan tidak menjadi Menteri Besar pun.

"Jadi sekarang yang penting menang dahulu, lepas itu baru fikir," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Bersama Negarawan anjuran BN Bahagian Kulim Bandar Baharu di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau telah mengadakan pertemuan dengan semua ketua UMNO Bahagian di negeri Kedah dan mendapat maklum balas positif.

"Saya juga jumpa jentera UMNO negeri dan masing-masing buat pengakuan bahawa mereka akan tentukan parti berjaya," katanya

Tambah beliau, selain memastikan calon BN yang bertanding di DUN menang, UMNO negeri juga

diingatkan supaya meningkatkan jumlah calon menang bagi kerusi Parlimen.

"Dahulu kita menang 14 daripada 15 kerusi Parlimen di Kedah tetapi dalam pilihan raya lalu kita hanya mendapat empat kerusi.

"Jadi kali ini, kita harap dapat dipertingkatkan bagi membantu BN mencapai majoriti di Parlimen," katanya.

Dr. Mahathir menambah, beliau yakin dengan peluang BN di Kedah berdasarkan semangat yang ada pada rakyat yang inginkan perubahan.

Ditanya mengenai kemungkinan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Mukhriz Mahathir yang disebut-sebut akan bertanding kerusi DUN, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak pasti perkara itu.